

ANALYSIS OF THE SPIRITUAL PROFILE OF THE MALAYSIAN ARMED FORCES USING THE PERSONS-ITEMS DISTRIBUTION MAP (PIDM) RASCH MODEL

ANALISIS PROFIL KEROHANIAN KETENTERAAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA MENGGUNAKAN MODEL PERSONS-ITEMS DISTRIBUTION MAP (PIDM) RASCH

Azlisham Abdul Azizⁱ, Mohd Nor Mamatⁱⁱ, Daud Mohamed Sallehⁱⁱⁱ & Mohd Rashidi Bujai^{iv}

- ⁱ (*Corresponding author*). Pegawai, Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT), Kementerian Pertahanan. sham72aziz@gmail.com
ⁱⁱ Ketua Pusat Pengajian dan Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM). mohdnoor@uitm.edu.my
ⁱⁱⁱ Profesor Madya, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). daud@upnm.edu.my
^{iv} Ketua Pengarah, Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT), Kementerian Pertahanan. maasyi69@yahoo.com

Abstract	<p><i>The assessment of military spirituality The Malaysian Armed Forces (MAF) has its own criteria of spiritual obedience. The criteria were compiled by the researcher to be empirically proven. Thus, this study was conducted to analyze the spiritual profile of the military in Malaysia. Quantitative methods through survey study were used on 400 respondents consisting of all three services in MAF (army, navy and airforce). Data were collected using the Malaysian Military Spirituality Assessment Instrument (INPERO) in the form of a closed-ended response questionnaire with a 4-Point Likert scale. The data obtained were then analyzed using the Rasch Measurement Model through the Persons-Items Distribution Map (PIDM) function with a focus on the spiritual level of MAF personnel through each land, sea and air service. The results of this study found that the level of spirituality of the ATM military is at a moderate level based on the findings of the majority of each service (land, sea and air). Therefore, the national defense and security organization of the MAF is proposed to apply this INPERO to establish a clear and systematic reference as a guide for the spiritual assessment of the military of the MAF in Malaysia.</i></p> <p>Keywords: INPERO, MAF, Rasch Measurement Model.</p>
Abstrak	<p><i>Penilaian kerohanian ketenteraan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mempunyai kriteria patuh rohani yang tersendiri. Kriteria tersebut disusun oleh penyelidik untuk dibuktikan secara empirikal. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis profil kerohanian ketenteraan di Malaysia. Kaedah kuantitatif melalui kajian tinjauan digunakan ke atas 400 responden yang terdiri daripada ketiga-tiga perkhidmatan dalam ATM (darat, laut dan udara). Data dikutip menggunakan Instrumen Penilaian Kerohanian Ketenteraan Malaysia (INPERO) berbentuk soal selidik respons tertutup dengan skala Likert 4-Poin. Data diperolehi kemudian dianalisis menggunakan Model Pengukuran Rasch melalui fungsi Persons-Items Distribution Map (PIDM) dengan tumpuan kepada tahap kerohanian anggota ATM melalui setiap perkhidmatan darat, laut dan udara. Hasil kajian ini mendapati tahap</i></p>

<p><i>kerohanian ketenteraan ATM berada pada tahap sederhana berdasarkan kepada dapatan majoriti setiap perkhidmatan (darat, laut dan udara). Oleh itu, organisasi pertahanan dan keselamatan negara ATM dicadangkan mengaplikasi INPERO ini untuk mewujudkan rujukan yang jelas dan sistematik sebagai panduan penilaian kerohanian ketenteraan ATM di Malaysia.</i></p> <p>Kata kunci: <i>INPERO, ATM, Model Pengukuran Rasch.</i></p>
--

PENDAHULUAN

Ketenteraan adalah merupakan keperluan asasi yang mesti ada di dalam sesebuah negara, tanpa adanya tentera sesebuah negara itu akan sentiasa berada dalam keadaan terancam dan tidak selamat dari sebarang ancaman sama ada dari luar mahupun dalam negara itu sendiri. Menurut Jalal (2016), kekuatan sesebuah negara itu bukan sahaja dengan memiliki peralatan tentera yang canggih, tetapi juga dapat dinilai sekiranya negara tersebut memiliki tentera yang berkualiti dari segi jasmani dan rohani lebih-lebih lagi jika berkemahiran menggunakan senjata-senjata moden. Sejarah membuktikan kejayaan banyak berpihak kepada tentera Islam dalam banyak peperangan walaupun jumlah mereka lebih sedikit berbanding tentera musuh dan tidak memiliki senjata yang canggih berbanding dengan senjata kepunyaan musuh (Aziz *et al.*, 2022)

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sebagai peneraju pertahanan negara telah melalui pelbagai era pembangunan dan transformasi seiring dengan kemajuan teknologi dan keadaan persekitaran yang strategik. Usaha yang berterusan diperlukan untuk membentuk satu kuasa yang berwibawa, seimbang dan berkemampuan tinggi dalam menjalankan peranan mempertahankan kedaulatan wilayah negara ini. Ia dikehendaki oleh Salleh *et al.* (2022) dan Daud (2017) dan pembinaan kekuatan ketenteraan bukan sahaja khusus kepada peralatan dan fizikal semata-mata, malah ia merangkumi persoalan kerohanian yang membentuk karakter jiwa seorang tentera Islam.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini bertujuan untuk membangunkan item bagi profil kerohanian ketenteraan anggota ATM dengan menggunakan Instrumen Penilaian Kerohanian Ketenteraan Malaysia (INPERO) melalui analisis *Persons-Items Distribution Map* (PIDM) Rasch. Profil kerohanian ini akan menjadi panduan, petunjuk dan indikator yang jelas kepada pengurusan dan pengoperasian atasan ATM.

SOROTAN LITERATUR

Kajian ini berkaitan dengan pembangunan instrumen penilaian kerohanian anggota ATM dengan hujah-hujah berikut:

Angkatan Tentera Malaysia (ATM)

Sejarah kewujudan ATM sebelum merdeka bermula dengan pengambilan 25 orang pemuda Melayu dalam Rejimen Askar Melayu pada 1 Mac 1933. Rejimen ini terus berkembang menjadi satu batalion penuh yang dikenali sebagai Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu pada 1 Januari 1938 dan diikuti dengan Batalion kedua pula ditubuhkan pada 1 Disember 1941. Menjelang tahun 1950 kekuatan Rejimen Askar Melayu telah ditambah menjadi tujuh batalion. Pada zaman darurat juga, angkatan tentera telah menubuhkan pasukan berbilang bangsa iaitu Rejimen Persekutuan dan Skuadron Kereta Perisai Persekutuan pada tahun 1952.

Setelah negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Tentera Darat telah berkembang maju dan lengkap untuk melawan insurgensi. Pada masa kini pasukan Tentera Darat sedang pesat dimodenkan sebagai satu pasukan tentera konvensional yang mampu menghadapi cabaran masa depan (Salleh, 2022; ATM, 2020; Raja Nazrin Shah, 2011). Manakala Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) pula bermula dari pasukan Simpanan

Sukarela Tentera Laut Negeri-negeri Selat pada 27 April 1934 di Singapura. Pasukan ini diperbesarkan pada tahun 1938 dengan penubuhan cawangan Pulau Pinang dan ditukarkan nama kepada Pasukan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaya. Apabila darurat tercetus pada tahun 1948, Tentera Laut Malaya telah ditubuhkan semula dan diwartakan pada 4 Mac 1949. Tentera Laut Malaya telah dianugerahkan gelaran Diraja oleh Baginda Queen Elizabeth II pada tahun 1952. Tentera Laut Diraja Malaya yang selama ini menjadi sebahagian dari *Royal Navy* telah dipindahkan dari Singapura ke Persekutuan Tanah Melayu pada 12 Julai 1958. Serentak dengan itu, panji-panji *Royal Navy* telah ditukar dengan panji-panji Persekutuan Tentera Laut Diraja Malaya. Selepas penubuhan Malaysia pada tahun 1963 ia dikenali sebagai Tentera Laut Diraja Malaysia (Salleh, 2022; Aziz *et al.*, 2020; Nordin, 1994). Tentera Udara Diraja Malaysia pula bermula dengan penubuhan Pasukan Sukarela Tentera Udara Negeri-Negeri Selat (SSVAF) oleh British pada tahun 1936. Pasukan ini ditukar nama kepada Pasukan Simpanan Tentera Udara Malaya pada tahun 1940 tetapi dibubarkan selepas Perang Dunia Kedua. Pada tahun 1950 pasukan ini telah dihidupkan semula sebagai Royal Air Force Malaya (RAF Malaya). Tentera Udara Malaya menjadi kenyataan pada tahun 1958 apabila pesawat *Twin Pioneer* pertama mendarat di pangkalan RAF Kuala Lumpur. Tentera Udara Diraja Malaya ditubuhkan dengan ditubuhkan dengan rasminya pada 2 Jun 1958 (Zahari *et al.*, 2019; Jalal, 2018 & 2016).

Kerohanian

Menurut Kamus Dewan (2015) definisi rohani adalah bersifat jiwa iaitu ianya bukan bersifat fizikal atau jasmani. Dari perspektif Islam, rohani adalah aspek dalaman manusia yang tidak dapat diungkap oleh pancaindera manusia (Aziz *et al.*, 2021). Manakala konsep kerohanian dari aspek ketenteraan Malaysia merujuk kepada BIJ MAF (2020), kerohanian adalah elemen dalaman yang menjadi pendorong kepada individu dan organisasi untuk berfungsi dengan baik dan berkesan, ia adalah hasil daripada amalan asas kehidupan yang benar dan murni yang dijadikan asas dalam mengatur aspek kehidupan dan kekuatan rohani timbul daripada kepercayaan yang betul dan pengamalan syariat Islam yang konsisten supaya ia sehati dengan jiwa dan raga individu dan menjadi budaya dalam organisasi. Kerohanian dalam konteks kajian ini juga merujuk kepada Teori Keperibadian al-Ghazali (1988), Model Agama Hadis Jibril A.S (2011), Model Akhlak Darraz (1987), Dasar Kerohanian Angkatan Tentera Malaysia (1991) dan Panduan Sistem Pengurusan Strategik Angkatan Tentera Malaysia (2020).

Instrumen Utama Kajian Menggunakan Model Pengukuran Rasch

Model Rasch merupakan kaedah analisis data yang dibangunkan oleh George Rasch (Ishak *et al.*, 2021). Model ini menurut Ryan *et al.* (2022), pada asalnya digunakan untuk tujuan dalam bidang pendidikan tetapi dasawarsa kini ianya juga turut dikembangkan dalam bidang yang lain. Keistimewaan analisis dengan menggunakan model ini ialah ianya tidak bergantung kepada ciri-ciri data yang diambil sepenuhnya supaya ukuran yang terhasil akan lebih objektif, seperti piawaian parameter yang berkaitan dengan kebolehan dan item seseorang, beberapa petunjuk Perkara lain yang boleh diperhatikan daripada analisis ini termasuk indeks@nilai infit-outfit, kebolehppercayaan person-item, pemisahan person-item, point measure correlation, hasil pengukuran logit, wright map, skala penilaian, kepada graf *item characteristic curve* (ICC) (Bond & Fox, 2015). Skala logit yang dihasilkan dalam analisis Model Pengukuran Rasch akan menjadi hasil daripada nilai nisbah ganjil yang kemudiannya ditransformasikan dengan fungsi logaritma asli, selain itu skala yang terhasil akan memunculkan nilai yang bergantung kepada pola tindak balas supaya Model Pengukuran Rasch boleh memberikan hasil pengukuran yang lebih bebas (Sumintono & Widhiarso, 2015). *Persons-Items Distribution Map* (PIDM) dalam Model Pengukuran Rasch merupakan jantung bagi analisis model ini yang mampu menunjukkan hierarki hubungan kebolehan *person* (responden) dan kesukaran item (Salbiah, 2018; Najahudin *et al.*, 2021)

serta PIDM mampu menganalisis kategori profil berdasarkan kepada konteks kajian (Salleh *et al.*, 2018; Azrilah *et al.*, 2017).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan Model Pengukuran Rasch yang boleh mengukur profil, prinsip, teknik atau panduan seperti dicadangkan oleh penyelidik-penyelidik lepas seperti Najahudin *et al.* (2021), Bond & Fox (2015), An & Yiu (2014) dan Azrilah *et al.* (2017). Model Pengukuran ini mempunyai kelebihan berbanding dengan model analisis lain kerana ianya dapat menilai keupayaan item dan individu secara berasingan (Najahudin *et al.*, 2021; Azrilah *et al.*, 2017; Sumintono & Widhiarso, 2013). Kelebihan ini menjadikan instrumen yang dihasilkan lebih tekal dan sesuai digunakan untuk sampel yang lain (Salbiah, 2018; Adibah, 2013; Azrilah *et al.*, 2013).

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang melibatkan kajian tinjauan. Instrumen soal selidik respons tertutup dengan skala Likert 4-Poin, iaitu (4) Sangat setuju, (3) Setuju, (2) Tidak setuju dan (1) Sangat tidak setuju digunakan untuk mengutip data. Instrumen ini telah diedarkan kepada 400 responden yang terdiri daripada anggota ATM yang merangkumi anggota Tentera Darat Malaysia (TDM) – 268, anggota Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) – 36 dan anggota Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) – 96. Bilangan responden adalah mencukupi bagi analisis Model Pengukuran Rasch dimana ianya telah melebihi syarat mencapai kalibrasi item sesuai dalam *definive/high stakes* pada aras keyakinan 99%, seramai 250 orang (Azrilah *et al.*, 2017; Linacre, 2012).

Data yang diperolehi dianalisis menggunakan menggunakan perisian Winsteps 5.0.2.0 untuk menjawab soalan kajian yang telah ditetapkan. Peta item-individu dan peta individu-item digunakan untuk memaparkan profil kerohanian anggota ATM secara visual dan mengikut susunan. Nilai logit item dan nilai logit individu digunakan untuk menunjukkan secara lebih jelas profil akhlak dalam satu garis lurus yang sama.

Tahap rohani anggota ATM diklasifikasikan kepada kategori cemerlang, sangat baik, baik, sederhana, lemah dan sangat lemah berdasarkan kepada pemisahan sisihan piawai yang dilabelkan dalam peta individu-item sebagai (S = 1 sisihan piawai dan T = 2 sisihan piawai) (Aziz *et al.*, 2022; Salleh *et al.*, 2018). Anggota ATM yang berada pada atas paras min (Log 3.05) dikategorikan sebagai mereka yang mempunyai tahap kerohanian yang baik, sangat baik dan cemerlang. Manakala Anggota ATM yang berada di bawah paras min individu dikategorikan sebagai mereka yang mempunyai tahap kerohanian yang sederhana, lemah dan sangat lemah (Linacre, 1999).

DAPATAN KAJIAN

Perbincangan dapatan kajian dihujahkan berdasarkan kepada objektif kajian iaitu:


Membangunkan Profil Rohani Anggota ATM

Analisis Model Pengukuran Rasch yang dijalankan dalam menyusun anggota ATM berdasarkan tahap rohani masing-masing. Peta item-individu yang terhasil mengkategorikan anggota ATM berdasarkan nilai logit dengan mengambil kira aras kesukaran item dan keupayaan individu yang berbeza. Rajah 1 merupakan peta item-individu, iaitu 'jantung utama' dalam Model Pengukuran Rasch (Salleh *et al.*, 2018) untuk menyusun responden berdasarkan tahap keupayaan.

Secara keseluruhannya didapati 97% (n=391) anggota ATM mampu melaksanakan keseluruhan item akhlak yang diukur. Secara keseluruhannya, didapati tahap keupayaan anggota ATM lebih tinggi berbanding tahap kesukaran item. Hal ini dapat dilihat kepada nilai maksimum logit individu melebihi logit 10 (log 10.57) manakala nilai logit maksimum item tidak mencapai logit 3 (log 2.20). Walaupun kebanyakan item adalah mudah dipersetujui, namun masih terdapat sembilan orang anggota ATM yang tidak mampu mengamalkan item penilaian kerohanian yang berada di bawah nilai min. Individu-individu

yang berada di bawah paras min kesukaran item ialah anggota perkhidmatan darat (TDM), lelaki, berkhidmat selama 10 tahun ke bawah dan mempunyai tahap pendidikan SPM.

Rajah 1: Peta Individu-Item Mengikut Tahap Rohani Anggota ATM dalam Kajian Tinjauan



* Sambungan dari rajah sebelah


Kedua-dua Rajah 1 di atas menunjukkan mewakili demografi anggota ATM yang melaksanakan kriteria kerohanian berdasarkan keupayaan individu. Kod demografi merujuk kepada kategori perkhidmatan, tempoh perkhidmatan dan tahap pendidikan. Individu di kedudukan paling atas berada pada logit 10.57 manakala individu di kedudukan paling rendah berada pada logit 1.31. Secara umumnya tahap kerohanian anggota ATM adalah pada tahap cemerlang berdasarkan analisis menunjukkan 97% anggota ATM mampu melaksanakan kesemua item kerohanian yang diukur. Sebanyak 3% anggota ATM yang berada dalam kategori sangat lemah dilihat tidak mampu melaksanakan beberapa item kerohanian dan item tersebut dilihat melebihi aras keupayaan mereka.

Sekiranya dianalisis secara terperinci berdasarkan kategori kumpulan individu yang berada pada kumpulan cemerlang, sangat baik, baik, sederhana, lemah dan sangat lemah, maka kumpulan anggota ATM yang dalam kategori kumpulan cemerlang seramai 66 orang (17%), kategori kumpulan sangat baik seramai 18 orang (5%), kategori kumpulan baik seramai 118 orang (29%), kategori kumpulan sederhana seramai 153 orang (38%), kategori kumpulan lemah seramai 36 orang (9%) dan kategori kumpulan sangat lemah seramai 9 orang (3%).

Perbincangan seterusnya adalah berdasarkan kepada setiap kategori kumpulan profil kerohanian anggota ATM. Ianya dimulai dengan kategori kumpulan cemerlang dengan merujuk kepada Rajah 2. Kumpulan cemerlang ini berada antara logit maksimum individu (10.57) sehingga 09.00. Kumpulan ini telah mencapai kesemua 190 item penilaian kerohanian dalam INPERO. Dalam kategori kumpulan cemerlang ini, didapati seramai 43 anggota TDM (16%), seramai 7 orang anggota TLDM (19%) dan seramai 16 orang anggota TUDM (17%). Kesemuanya mempunyai tahap pendidikan SPM. Anggota TDM yang berada


dalam kategori ini terdiri daripada 14 orang yang mempunyai tempoh perkhidmatan selama 25 tahun. Manakala seramai 9 orang anggota TDM yang telah berkhidmat selama 20 tahun. Seramai 20 orang yang telah berkhidmat selama 10 tahun. Anggota TLDM yang turut berada dalam kategori ini terdiri daripada 7 orang anggota yang telah berkhidmat dalam TLDM selama dalam 21 sehingga 25 tahun. Manakala anggota TUDM pula yang berada dalam kategori kumpulan cemerlang ini seramai 8 orang yang berkhidmat di bawah 10 tahun dan 8 orang yang telah berkhidmat selama antara 21 sehingga 25 tahun.

Rajah 2: Kategori Kumpulan Cemerlang




Profil kerohanian anggota ATM juga mendapati bahawa terdapat kategori kumpulan sangat baik seperti Rajah 3. Ianya berdasarkan kepada nilai logit antara 07.00 sehingga 09.00. Kumpulan ini telah mencapai kesemua 190 item Penilaian Kerohanian. Tahap pendidikan kesemua individu dalam kumpulan ini ialah SPM. Kumpulan ini dibarisi oleh hanya 2 orang anggota TDM yang telah berkhidmat selama 15 tahun. Anggota TLDM yang berada dalam kategori ini ialah 7 orang yang telah berkhidmat selama 15 tahun. Manakala anggota TUDM pula seramai 9 orang.

Rajah 3: Kategori Kumpulan Sangat Baik




Berdasarkan kepada Rajah 4, didapati tahap kerohanian anggota ATM yang berada dalam kumpulan kategori baik pula ialah bermula nilai logit 07.00 sehingga ke Mean Person (5.49 logit). Kumpulan sederhana ini telah mencapai kesemua item INPERO. Terdapat seramai 85 orang anggota TDM yang berada dalam kategori ini. 63 berkelulusan SPM dan

Rajah 5: Kategori Kumpulan Sederhana




Dalam kategori dalam kumpulan lemah pula, merujuk kepada Rajah 6, didapati terdapat 20 anggota TDM, 7 orang anggota TLDM dan 9 anggota TUDM. Penentuan kategori kumpulan lemah ini didasari kepada nilai logit yang diperolehi oleh mereka antara 0.30 logit sehingga item Penilaian Kerohanian yang paling sukar (2.20 logit). Kesemuanya mereka adalah lelaki. Anggota TDM yang berada dalam kategori lemah ini mempunyai tahap pendidikan SPM dan seramai 18 orang berkhidmat selama 10 tahun ke bawah dan 2 orang telah berkhidmat melebihi 15 tahun. Anggota TLDM pula seramai 7 orang yang telah berkhidmat selama melebihi 15 tahun dan mempunyai tahap pendidikan SPM. Manakala anggota TUDM pula terdiri daripada 9 orang. Mereka mempunyai tahap pendidikan STPM dan berkhidmat selama 26 tahun. 18 orang yang mempunyai pendidikan SPM, berkhidmat selama 10 tahun ke bawah dan 9 orang telah berkhidmat selama 20 tahun.

Rajah 6: Kategori Kumpulan Lemah



Melalui Rajah 7 juga didapati terdapat 9 individu yang berada dalam kategori kumpulan sangat lemah. Mereka terdiri daripada anggota TDM yang telah berkhidmat selama 10 tahun ke bawah dan mempunyai tahap pendidikan SPM. 9 individu anggota TDM ini tidak mampu mencapai item Penilaian Kerohanian yang paling sukar dicapai oleh 98% anggota ATM yang lain, iaitu item C2A109 Akhlak sesama manusia iaitu “saya tidak memaki hamun orang lain dalam urusan pekerjaan saya”.

Rajah 7: Kategori Kumpulan Sangat Lemah




Secara tuntasnya, dapatan profil ini menghujahkan bahawa tahap kerohanian ketenteraan Malaysia dikelompokkan kepada enam kategori iaitu: (i) Cemerlang; (ii) Sangat baik; (iii) Baik; (iv) Sederhana; (v) Lemah; dan (vi) Sangat lemah. Berdasarkan kepada enam kategori ini, tahap kerohanian anggota ATM (perkhidmatan darat, laut dan udara) berada pada tahap kategori sederhana sebagaimana yang ditunjukkan pada Rajah 8. Ianya didasari kepada dapatan peratusan majoriti dalam setiap perkhidmatan iaitu: (i) anggota TDM sebanyak 40%; (ii) anggota TLDM sebanyak 24%; dan (iii) anggota TUDM sebanyak 38% seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Tahap Peratusan Kerohanian Anggota ATM

Kategori	Tentera Darat Malaysia (TDM)	Tentera Laut Malaysia (TLDM)	Tentera Udara Malaysia (TUDM)
Cemerlang	16%	19%	17%
Sangat Baik	2%	19%	9%
Baik	32%	19%	27%
Sederhana	40%	24%	38%
Lemah	7%	19%	9%
Sangat Lemah	3%	0%	0%

Rajah 8: Graf Tahap Peratusan Kerohanian Anggota ATM



PERBINCANGAN

Kajian yang dijalankan menunjukkan tahap amalan kerohanian Ketenteraan Malaysia berada pada tahap cemerlang, iaitu 97% anggota ATM dapat mengamalkan kriteria rohani dalam INPERO yang diukur. Sekiranya analisis profil rohani anggota ATM dirumuskan berdasarkan kategori perkhidmatan, majoriti ketiga-tiga perkhidmatan (TDM, TLDM, TUDM) berada pada tahap sederhana (TDM – 40%; TLDM – 24%; TUDM – 38%). Pengasingan yang berbeza dan tidak konsisten ini bergantung kepada tahap keupayaan setiap tiga perkhidmatan mengamalkan setiap item rohani yang terdiri daripada empat konstruk, iaitu Penghayatan Akidah, Penghayatan Ibadah, Penghayatan Akhlak dan Penghayatan Islam dalam Ikrar Kesatria ATM.

Dapatan ini menunjukkan masih terdapat walaupun hanya 3% anggota ATM yang tidak mampu mencapai kriteria kerohanian yang terdapat dalam INPERO yang baik secara keseluruhan dalam kehidupan mereka. Hal ini merupakan satu ancaman kepada kedudukan anggota ATM yang merupakan perisai dan pengendali alat material kepada keselamatan dan pertahanan negara. Hal ini kerana peranan anggota ATM sebagai anggota keselamatan yang sepatutnya mempunyai dua kekuatan iaitu kekuatan fizikal dan kekuatan rohani yang membentuk kekuatan ATM itu sendiri (Aziz *et al.*, 2020; Zahari *et al.*, 2019; Sani *et al.*, 2018; Daud, 2017; Bujai *et al.*, 2015).

Walaupun asas pembentukan kerohanian adalah lahir daripada penghayatan pengamalan beragama dalam kehidupan seorang tentera, namun penilaiannya berdasarkan kepada sejauhmana perbuatan yang dilaksanakan dalam kehidupan seharian (Manap *et al.*, 2013). Menurut Aziz *et al.* (2022), faktor luaran inilah yang menampakkan dengan jelas penghayatan beragama dalam kehidupan seorang tentera yang terbit dari perasaan, keyakinan dan keimanan dalam diri.

Aspek kerohanian yang merangkumi penghayatan kehidupan beragama dalam kehidupan seorang tentera yang masih tidak mencapai tahap optimum juga turut dibincangkan dalam dapatan kajian Burhanuddin (2012) yang mendapati elemen akhlak merupakan elemen yang berada pada aras rendah jika dibandingkan dengan elemen lain dalam efikasi sendiri anggota ATM. Antara kemungkinan yang menyebabkan elemen akhlak berada pada aras min yang agak rendah adalah berpunca daripada faktor kecelaruan dalaman diri yang memberi impak besar kepada aspek kerohanian dan personaliti dalam kaca mata ATM (Jalal, 2018; Daud, 2017).

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan dapatan kajian, boleh disimpulkan bahawa meskipun tahap kriteria sarwajagat penilaian kerohanian anggota ATM, tetapi apabila diperhalusi didapati mereka masih keliru tentang perkara-perkara yang asas dalam akidah khususnya, akidah yang tidak jelas boleh memberi kesan kepada pengamalan ibadah dan pemikiran mereka. Di samping itu, penghayatan Islam dalam Ikrar Kesatria ATM yang baik dalam kalangan anggota ATM menjadi indikator bahawa mereka adalah golongan yang boleh dibentuk ke arah lebih baik oleh sistem dan nilai yang baik telah sebatu dalam ATM. Ianya juga turut diujahkan oleh kajian Ismail *et al.* (2019), berkaitan aspek penghayatan kerohanian pengamalan dalam mendepani serangan pemikiran hari ini.

Melalui dapatan kajian ini, dapat membina tahap kerohanian anggota ATM untuk panduan sistematik kepada pihak atasan ATM aspek kerohanian anggota ATM yang bersifat *intangible* dan seterusnya melahirkan anggota ATM yang kompeten rohani dan jasmani (Aziz *et al.*, 2020; Jalal, 2018).

PENUTUP

Analisis data kajian ini telah menghasilkan profil kerohanian ketenteraan anggota ATM. Pembinaan profil ini adalah berdasarkan kepada interpretasi data PIDM yang ditunjukkan oleh Model Pengukuran Rasch. Dapatan kajian ini dapat dijadikan satu penanda aras profil kerohanian ketenteraan anggota ATM untuk rujukan dan panduan pihak Kementerian Pertahanan dan ATM. Peranan anggota ATM sebagai sumber manusia pertahanan dalam menggerakkan sesuatu penugasan, operasi dan misi hendaklah diseirinkan dengan kemampuan kerohanian dalaman bersifat *intangible* yang merupakan faktor *driving force* kepada kekuatan anggota ATM.

RUJUKAN

Buku

- Bahagian Inspektorat Jeneral Markas Angkatan Tentera Malaysia. 2020. *Buku Panduan Sistem Pengurusan Strategik Angkatan Tentera Malaysia*. Kuala Lumpur: Teguh Mewah Resources.
- Bond, T.G., Christine, M.F. 2015. *Applying the rasch Model (3rd)*. New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Creswell, John W. 2009. *Research Design : Qualitative, Quantitative, And Mixed Methods Approaches*. 3rd ed.. London :SAGE Publications.
- Kamus Dewan. 2015. *Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nordin Mohd Yusuf, Brig Jeneral. 1994. *The Malaysian armed forces honour & sacrifice*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan Malaysia.

- Sekaran, U. 2003. *Research Methods for Business, Ed. Ke-4*. Hoboken, New Jersey: John Wiley & Sons.
- Sumintono, B., & Widhiarso, W. 2015. *Aplikasi pemodelan rasch pada assessment pendidikan*. Trim komunikata.
- Zakiah Darajat. 2011. *Metode Khusus Pengajaran Agama Islam (Cet. II)*. Jakarta: Sinar Grafika Offset.

Tesis

- Burhanuddin Jalal. 2012. *Penghayatan Islam dalam kalangan anggota Angkatan Tentera Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah Fakulti Pengajian Islam UKM.(Bahan tidak diterbitkan). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Daud Mohamed Salleh. 2017. *Keberkesanan program pengajian agama Islam (PPAI) dalam kalangan warga Muslim Angkatan Tentera Malaysia terhadap motivasi pembelajaran, penghayatan amalan keagamaan dan komitmen organisasi*. Tesis PhD, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kuala Lumpur Malaysia.

Jurnal

- An, X. & Yung, Y.F., 2014. *Item response theory: What it is and how you can use the IRT procedure to apply it*. SAS Institute Inc. SAS364-2014, 10(4).
- Aziz, A. A., Mamat, M. N., Salleh, D. M., Abdullah, S. F. S., Nordin, M. N., Yassin, Y. N. H. M., & Zuki, J. 2022. *Application Rasch Model in Determining The Validity And Reliability Of The Malaysian Armed Forces Spiritual Assessment Instrument: A Pilot Analysis*. Central Asia And The Caucasus, 23(1).
- Aziz, A. A. 2021. *Analysis Of Literature Review On Spiritual Concepts According To The Perspectives Of The Al-Quran, Hadith And Islamic Scholars*. Turkish Journal of Computer and Mathematics Education (TURCOMAT), 12(9), 3152-3159.
- Bujai, M. R., & Hashim, A. 2015. *Pelaksanaan aktiviti keagamaan dan hubungannya dengan penghayatan kerohanian Anggota Tentera Malaysia*. Tinta Artikulasi Membina Ummah, 1(1), 176-186.
- Ishak, A. H., Manan, S. K. A., & Saidon, R. 2021. *Investigating the Quality of Psychometric Properties Via Rasch Model*. In Eurasian Business and Economics Perspectives, 59-71. Springer, Cham.
- Ismail, N., Bakar, N. H., Majid, M. A., & Kasan, H. 2019. *Pengamalan hidup beragama dalam kalangan mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Islam di Malaysia: Religious practice among students of Islamic Institutes of Higher Education (IPTI) in Malaysia*. Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues, 4(2), 78-93.
- Jalal, B. 2018. *Islamic spiritual programmed: Evidence from Malaysia*. Journal of Economic & Management Perspectives, 12(1), 814-817.
- Jalal, B. 2016. *Hubungan Tentera Dan Masyarakat: Pandangan Rakyat Terhadap Peranan Angkatan Tentera Malaysia (Military and Community Relations: People's view on the role of the Armed Forces)*. Jurnal Jabatan Kenegaraan, Kepemimpinan dan Ketamadunan, 4.
- Linacre, J. M. 1999. *Understanding Rasch Measurement: Estimation Methods For Rasch Measures*. Journal of Outcome Measurement, 3(4), 382-405.
- Manap, J. H., Hamzah, A., Noah, S. M., Kasan, H., Krauss, S. E., Mastor, K. A., ... & Idris, F. 2013. *Prinsip Pengukuran Religiositi dan Personaliti Muslim*. Jurnal Psikologi dan Pembangunan Manusia, 1(1), 36-43.
- Najahudin, L. & Siti Noorniah, M.R. 2021. *Analisis Profil Pelaburan Emas di Malaysia Menggunakan Model Persons-Items Distribution Map (PIDM) Rasch*. GJAT February 2021 Special Issues 1.
- Ryan, T., Angella, S., & Surya, R. 2022. *Analisis Rasch Model Indonesia the International Personality Item Pool-Big Five Factor Markers (IPIP-BFM-50)*. Persona: Jurnal Psikologi Indonesia, Volume 10, No. 2, 297-317.

- Salleh, Z. A. M. 2022. *Islamic Leadership and Its Practices among Malaysian Armed Forces Officers: An Appraisal*. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences. 12(6), 830 – 839.
- Salleh, S. M., Ahmad, J., Noh, M. A. C., & Hehsan, A. 2018. *Profil Akhlak Guru Pendidikan Islam Di Malaysia (Islamic Education Teacher Profile In Malaysia)*. UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies, 5(2).
- Sani, Z. A., & Osman, K. 2018. *Pelaksanaan Bimbingan Kerohanian Semasa Operasi Terhadap Anggota Tentera Darat Malaysia (TDM)*. Fikiran Masyarakat, 6(2), 68-72.
- Yusoff, M. S. B. 2019. *ABC of content validation and content validity index calculation*. Resource, 11(2), 49-54.

Persidangan

- Aziz, A. A., Mamat, M. N., & Salleh, D. M. 2020. *Aplikasi Model Pengukuran Rasch Dalam Menentukan Kesahan Dan Kebolehpercayaan Keberkesanan Modul Jeri Terhadap Anggota Tentera Darat Malaysia*. In 7th International Conference On Islamic Education 2020 (ICIEd 2020), 92.
- Zahari, S., Mohamed Salleh, D., & Zainol, A. 2019. *Pengaruh warga Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) terhadap penghayatan agama dalam kalangan warga Angkatan Tentera Malaysia*. In: International Conference on Zakat, Tax, Waqf And Economic Development (ZAWED), 1st – 2nd December 2019, Adya Hotel Langkawi, Malaysia.

Internet

- Titah DiRaja DYTM Raja Muda Perak Darul Ridzuan Raja Nazrin Shah. Anjuran bersama MIDAS & UPM: "Hubungan Tentera Dengan Awam". https://www.isis.org.my/wp-content/uploads/2011/11/942_Raja_Nazrin_Hubungan_Tentera_24Nov2011.pdf (diakses pada 28 Jun 2022).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.